

**TAWARAN JAWATAN PENYANDANG KURSI TUN GHAFAR BABA  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS (UPSI)**

Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) mempelawa semua ahli akademik yang layak untuk mengisi kekosongan jawatan Penyandang Kursi Tun Ghafar Baba, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) secara kontrak bagi tempoh dua (2) tahun.

**LATAR BELAKANG**

Kursi Tun Ghafar Baba ditubuhkan sebagai satu usaha untuk menjadikan UPSI sebagai pusat penjana dan penataran ilmu yang berkaitan dengan berbagai isu kepemimpinan guru serta hubungan etnik di Malaysia. Maklumat dan hasil kajian berkaitan dengan bidang ini dapat disebarluaskan dan dimanfaatkan dengan pelbagai institusi kerajaan dan masyarakat Malaysia umumnya.

**TANGGUNGJAWAB**

Penyandang Kursi dipertanggungjawabkan untuk;

- i. Menjalankan penyelidikan dalam bidang-bidang yang berkaitan dengan kepimpinan guru dan hubungan etnik.
- ii. Mengendalikan kuliah/kursus untuk pelajar-pelajar ijazah pertama dan ijazah lanjutan di mana-mana yang diperlukan.
- iii. Mengendalikan seminar dan bengkel mengenai bidangnya.
- iv. Membentang kertas kerja dalam persidangan/seminar dan sebagainya.
- v. Menerbitkan hasil penyelidikannya melalui Universiti.
- vi. Berperanan sebagai perunding dan penasihat akademik kepada Universiti berkaitan dengan program/kursus berkaitan bidangnya.
- vii. Membantu menilai tesis disertasi calon pascasiswazah dalam bidang berkaitan jika diperlukan.
- viii. Membantu Universiti menarik pakar dalam bidangnya untuk berkhidmat dan memberi sumbangan kepada Universiti.
- ix. Menarik pihak-pihak di luar universiti supaya dapat menyalurkan dana untuk Tabung Kursi.

## **KELAYAKAN**

Penyandang Kursi dilantik bagi tempoh selama dua (2) tahun dan boleh dilanjutkan pelantikan untuk tahun yang seterusnya. Calon-calon yang boleh dipertimbangkan untuk dilantik sebagai penyandang Kursi adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia;
- ii. Terdiri dari kalangan ahli akademik yang cemerlang, berwibawa serta mempunyai ciri-ciri kepimpinan yang cemerlang;
- iii. Mempunyai pemikiran dan sikap yang proaktif serta mampu mengurus kepelbagaian dalam apa jua situasi;
- iv. Mempunyai PhD dan kelayakan profesional;
- v. Berpengalaman dalam kepemimpinan bidang guru/pendidikan dan hubungan etnik di Malaysia;
- vi. Berupaya meneruskan tradisi intelektual yang terasas di zaman SITC, terutamanya dari segi penghasilan karya ilmiah dan penerbitan buku-buku ilmiah dalam bidang-bidang ini;
- vii. Berkeupayaan memajukan dan memartabatkan ilmu dalam bidang Sains Sosial dan Kemanusiaan selaras dengan hasrat menjadikan UPSI sebagai Universiti pendidikan terulung di Malaysia;
- viii. Pakar dalam menjalankan penyelidikan dan kajian dalam bidang kepemimpinan guru/pendidikan serta hubungan etnik di samping menjana idea, teori, pendekatan serta kaedah pembelajaran dan pengajaran yang sesuai dengan kehendak masa kini;
- ix. Mempunyai kemampuan untuk menjadikan UPSI bukan sahaja pusat rujukan ulung di Malaysia, malah mencakupi rantau ini dan di peringkat antarabangsa;
- x. Mempunyai potensi untuk menyumbang secara berkesan terhadap pembangunan Universiti dan pendidikan tinggi Negara secara keseluruhannya.
- xi. Diakui sihat oleh Pengamal Perubatan berdaftar yang diiktiraf oleh kerajaan.

## **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## CARA MEMOHON

1. Permohonan hendaklah dibuat dengan menggunakan borang permohonan seperti di lampiran dan juga boleh dimuat turun melalui;

[http://pendaftar.upsi.edu.my/images/borang/BORANG\\_PERMOHONAN\\_JAWATAN\\_PENYANDANG\\_KURSI\\_TUN\\_GHAFAR\\_BABA.pdf](http://pendaftar.upsi.edu.my/images/borang/BORANG_PERMOHONAN_JAWATAN_PENYANDANG_KURSI_TUN_GHAFAR_BABA.pdf)

2. Permohonan yang telah dilengkapkan perlu dikembalikan bersama-sama sekeping gambar terbaharu berukuran pasport, salinan sijil kelahiran, salinan kad pengenalan, *resume* dan dokumen-dokumen sokongan dan sijil-sijil yang berkaitan yang telah disahkan.
3. Permohonan daripada pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun atau Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan masing-masing dengan disertakan bersama salinan-salinan Kenyataan Perkhidmatan yang terkini dan Laporan Nilain Prestasi untuk tempoh 3 (tiga) tahun berturut-turut yang telah disahkan.
4. Permohonan yang telah lengkap hendaklah dihantar ke alamat di bawah:

Pendaftar  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  
35900 Tanjong Malim  
PERAK DARUL RIDZUAN

## TARIKH TUTUP

Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan ke alamat di atas **sebelum atau pada 27 Ogos 2018.**

- Hanya pemohon-pemohon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk temu duga.
- Segala perbelanjaan bagi menghadiri temu duga jawatan ini ditanggung sepenuhnya oleh pemohon.

## **PERTANYAAN**

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Governan  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah  
35900 Tanjong Malim  
PERAK DARUL RIDZUAN

Tel : 05-4506351/6811/6957/6864

Emel : [govenan@upsi.edu.my](mailto:govenan@upsi.edu.my)